

*usan (Timur) kham 13 27/12/ m/s*

# UMP hantar sukarelawan bantu mangsa banjir

KUANTAN 26 Dis. – Seramai 200 sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada kakitangan dan pelajarnya ‘turun padang’ bagi membantu mangsa banjir di daerah-daerah terjejas teruk akibat bencana itu.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela berkata, misi itu dilakukan bagi meringankan beban mangsa-mangsa banjir mengemas dan membasuh rumah selain membantu membersihkan kawasan surau, masjid, balai raya, sekolah dan sebagainya.

Beliau berkata, misi tersebut adalah bantuan susulan sukarelawan yang telah pun dimulakan pada 16 Disember lalu.

“Jika dulu kami tumpukan di kawasan Pekan, bantuan pada kali ini akan lebih menyeluruh ke daerah lain juga,” katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran khidmat sukarelawan Jawatankuasa Bencana Alam UMP di sini hari ini.

Selain bantuan sukarelawan, UMP turut menyumbangkan bantuan makanan sejumlah RM20,000 kepada mangsa-mangsa banjir di sekitar Paloh Hinai, Pekan pada Hari Raya Aidiladha lalu.

Antara yang disumbangkan ialah mi banyak masak, tepung, beras, lampin pakai buang dan lain-lain.

## Terjejas

Mohamed Said berkata, semua sukarelawan itu akan dibawa ke lima daerah paling teruk terjejas akibat banjir iaitu Pekan, Rompin, Maran, Bera dan Kuantan bagi membantu mangsa banjir di daerah-daerah tersebut.

Jelas beliau, pelancaran bantuan itu menunjukkan komitmen UMP sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang prihatin dan peka terhadap nasib dan kesusahan yang terpaksa ditanggung penduduk yang terlibat dengan banjir.

“Sebagai sebuah badan berkanun, UMP mungkin tidak berkeupayaan untuk mengeluarkan wang ringgit yang banyak.

“Namun begitu, kekuatan tenaga kakitangan dan pelajar yang seramai hampir 4,000 orang inilah aset yang kita ada bagi membantu mereka,” ujar beliau.

Katanya, berdasarkan tinjauan yang dilakukan beliau pada minggu lalu, banyak sekolah, masjid, dan bangunan-bangunan awam yang terlibat dengan banjir lewat dibersihkan kerana mangsa-mangsa banjir sibuk mengemas rumah masing-masing.

“Inilah peranan sukarelawan kita, kesempatan untuk turun padang ini juga perlu dimanfaatkan oleh mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat setempat,” katanya.